



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70

2hb Februari 2017

No. 3

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

No. 160.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

Menurut peruntukan-peruntukan Arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang-orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka, yang masih tidak dituntut selama lebih dua belas bulan, daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Kuantan sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan ke Hasil Kerajaan Negeri.

Pursuant to the provisions of instruction 162 of the Treasury Instructions, it is notified that the persons named in column (1) of the Schedule are requested to claim their deposits, which have remained unclaimed for more than twelve months, from the Pahang State Treasury and Financial Office, Kuantan for the amount specified in column (3) of the Schedule. If the deposits are not claimed within three months from the date of publication of this notification, such deposits will be credited to the State Government Revenue.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Nama	No. Resit/Tarikh	Amaun (RM)
1.	Wan Mohamad bin Wan Hussain	R00000136/10-4-2009	480.00
2.	Mobaj Enterprise	R00000299/30-7-2009	1,000.00
3.	Mobaj Enterprise	R00000299/16-7-2009	2,000.00
4.	Ahmad Zaidi bin Ramly	R00000073/20-2-2009	809.20
Jumlah			4,289.20

Bertarikh 30 Disember 2016

Dated 30 December 2016

[Perb. Phg. 01/0057/7 (26)]

DATO' INDERA HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN
*Pegawai Kewangan Negeri
Pahang*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 161.

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

DELEGATION OF POWER UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Pahang dengan ini mewakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang bagi menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas untuk meluluskan permohonan pemberimilikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi kegunaan tapak Masjid, Surau dan Perkuburan Islam daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Yang Ke-17/2013 pada 5 Jun 2013.

2. Perwakilan kuasa ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 5 Jun 2013.

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority Pahang hereby delegates to the Director of Land and Mines Pahang to exercise all the powers and perform all duties to approve the application of alienation of land under section 76 National Land Code for the site of the Mosques, Surau and Muslim Cemeteries from Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council as approved by the Council State of Pahang 17/2013 on 5 June 2013.

2. This delegation shall be deemed to have come into force on 5 June 2013.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTG.Phg.(PL).01/108]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 162.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 926 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 158732, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277337, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Pusat Rukun Tetangga di Lorong Kampung Padang 50, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan dan diselenggarakan oleh Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Negeri Pahang.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 926 square metres, known as Lot 158732, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277337, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Pusat Rukun Tetangga, at Lorong Kampung Padang 50, to be under the control of Kuantan District Officer and maintained by the Director of the Pahang Department of National Unity and Integration.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/12(JPN)]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 163.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 6,242 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 158741, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277710, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Kawasan Lapang (Padang Permainan Kanak-Kanak), di Lorong Peramu Maju 9, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 6,242 square metres, known as Lot 158741, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277710, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for an Open Area (Children Playground), at Lorong Peramu Maju 9, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/48 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 164.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 496 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 14789, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 06-069941, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Kemudahan Awam dan Kawasan Lapang, di Jalan Haji Ahmad, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 496 square metres, known as Lot 14789, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 06-069941, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Public Facilities and Open Area, at Jalan Haji Ahmad, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/355 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 165.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1.300 hektar, yang dikenali sebagai Lot 113177, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 130335, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Padang Permainan (Padang Bola) di Permatang Badak, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 1.300 hectares, known as Lot 113177, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 130335, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Playground (Football Field), at Permatang Badak, to be under the control of Kuantan District Officer.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/807]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 166.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1,152 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 20289, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 60356, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Kawasan Lapang dan Kegunaan Awam, di Lorong Seri Setali 2, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 1,152 square metres, known as Lot 20289, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 60356, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for an Open Area and Public Facilities at Lorong Seri Setali 2, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/354 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 167.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 1,784 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 30521, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 06-072737, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Kemudahan Awam dan Padang Permainan (Kawasan Lapang) di Lorong Air Putih 125, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 1,784 square metres, known as Lot 30521, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 06-072737, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Public Facilities and Playground (Open Area), at Lorong Air Putih 125, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of Kuantan Municipal Council.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/342 MPK]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 168.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 788 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 109154, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277722, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Tabika, di Kampung Alor Batu, di bawah kawalan Pegawai Daerah Kuantan.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 788 square metres, known as Lot 109154, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277722, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose to wit a site for Kindergarten, at Kampung Alor Batu, to be under the control of the Kuantan District Officer.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/1021]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 169.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 11,084 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 109340, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 276949, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Tangki Air, di Kawasan Perindustrian Gebeng, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 11,084 square metres, known as Lot 109340, Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan as delineated upon Survey Plan No. P.A. 276949, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose to wit a site for Water Tank, at Kawasan Perindustrian Gebeng, to be under the control of the State Secretary and maintained by the Chief Executive Officer of Pengurusan Air Pahang Berhad.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PTK. 3/5/7 (JBA)]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 170.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 7,984 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 38213, Mukim Keratong, Daerah Rompin yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277878, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Perkuburan Hindu, di Bandar Cenderawasih, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Rompin.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 7,984 square metres, known as Lot 38213, Mukim of Keratong, District of Rompin as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277878, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Hindu Cemetery, at Bandar Cenderawasih, to be under the control of the State Secretary and maintained by the Rompin District Officer.

Bertarikh 5 Januari 2017

Dated 5 January 2017
[PT.Rom. 10/0463]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 171.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 11,211 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 100433, Mukim Chenor, Daerah Maran yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277787, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Terminal Bas dan Teksi, di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Maran.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 11,211 square metres, known as Lot 100433, Mukim of Chenor, District of Maran as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277787, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Bus and Taxi Terminal, at Bandar Tun Abdul Razak Jengka, to be under the control of the State Secretary and maintained by the President of District Council of Maran.

Bertarikh 10 Januari 2017

Dated 10 January 2017
[PTM. 6/11/0291]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 172.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 11,046 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 100434, Mukim Chenor, Daerah Maran yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 277883, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam iaitu sebagai tapak Pusat Perkhidmatan Veterinar, di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has reserved a land measuring an area of 11,046 square metres, known as Lot 100434, Mukim of Chenor, District of Maran as delineated upon Survey Plan No. P.A. 277883, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for public purpose to wit a site for Central Veterinary Services, at Bandar Tun Abdul Razak Jengka, to be under the control of the State Secretary and maintained by the Director of Department of Pahang Veterinary Services.

Bertarikh 11 Januari 2017

Dated 11 January 2017
[PTM. 6/11/0279]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 173.

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 7 pada 7 Januari 1993, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], telah mengisytiharkan tanah seluas 5,735 meter persegi, yang dikenali sebagai Lot 4441, terletak di Kampung Gajah Mati, Mukim Jenderak, Daerah Temerloh yang ditanda atas Pelan Ukur No. P.A. 06-065431

yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, menjadi suatu rizab bagi maksud kegunaan awam, iaitu tapak Masjid dan dikawal oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 1646 pada 10 September 2015;

Dan bahawasanya, pada masa dan tarikh yang ditetapkan bagi siasatan, Pentadbir Tanah Daerah Temerloh tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

Whereas, by Notification published in the Government of Pahang *Gazette* No. 7 on 7 January 1993, the State Authority in exercise powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56/1965], had proclaimed the land comprising an area of 5,735 square metres, known as Lot 4441, at Kampung Gajah Mati, Mukim of Jenderak, District of Temerloh, delineated upon Survey Plan No. P.A. 06-065431 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be reserved for public purpose, as a site for Mosque and to be under the control of the President of Pahang Islamic Religious Council and Malay Customs;

And whereas, a notice of the proposal to revoke the aforesaid the whole of reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [Act 56/1965] was published in the Government of Pahang *Gazette* Notification No. 1646 on the 10 September 2015;

And whereas, on the date and time fixed for inquiry, the Temerloh Land Administrator did not receive any objection to the proposal;

Now therefore, it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority revokes that the part of the aforesaid reservation.

Bertarikh 22 Disember 2016

Dated 22 December 2016
[PTT. 370/20/2006/06]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 174.

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 474 pada 7 Julai 1983, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], telah mengisytiharkan tanah seluas 1,654 meter persegi, terletak di Kampung Tanjong Kerayong, Mukim Lebak, Daerah Temerloh yang ditanda atas Pelan Ukur No. P.A. 28650 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, menjadi suatu rizab bagi maksud kegunaan awam, iaitu tapak Masjid dan dikawal oleh Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 1637 pada 10 September 2015;

Dan bahawasanya, pada masa dan tarikh yang ditetapkan bagi siasatan, Pentadbir Tanah Daerah Temerloh tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

Whereas, by Notification published in the Government of Pahang *Gazette* No. 474 on 7 July 1983, the State Authority in exercise powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56/1965*], had proclaimed the land comprising an area of 1,654 square metres, at Kampung Tanjong Kerayong, Mukim of Lebak, District of Temerloh, delineated upon Survey Plan No. P.A. 28650 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be reserved for public purpose, as a site for Mosque and to be under the control of the President of Pahang Islamic Religious Council and Malay Customs;

And whereas, a notice of the proposal to revoke the aforesaid the whole of reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [*Act 56/1965*] was published in the Government of Pahang *Gazette* Notification No. 1637 on the 10 September 2015;

And whereas, on the date and time fixed for inquiry, the Temerloh Land Administrator did not receive any objection to the proposal;

Now therefore, it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority revokes that the part of the aforesaid reservation.

Bertarikh 22 Disember 2016

Dated 22 December 2016
[TEM. 2/2/706(P)]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 175.

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 38 pada 2 Februari 1984, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], telah mengisytiharkan tanah seluas 146,496 meter persegi, terletak di Kampung Buntut Pulau, Mukim Perak, Daerah Temerloh yang ditanda atas Pelan Ukur No. 23622 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, dan Pemetaan Pahang, menjadi suatu rizab bagi maksud kegunaan awam, iaitu tapak Surau dan dikawal oleh Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 1639 pada 10 September 2015;

Dan bahawasanya, pada masa dan tarikh yang ditetapkan bagi siasatan, Pentadbir Tanah Daerah Temerloh tidak ada menerima apa-apa bantahan terhadap cadangan tersebut;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

Whereas, by Notification published in the *Government of Pahang Gazette* No. 38 on 2 February 1984, the State Authority in exercise powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56/1965*], had proclaimed the land comprising an area of 146,496 square metres, at Kampung Buntut Pulau, Mukim of Perak, District of Temerloh, delineated upon Survey Plan No. 23622 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to

be reserved for public purpose, as a site for *Surau* and to be under the control of the President of Pahang Islamic Religious Council and Malay Customs;

And whereas, a notice of the proposal to revoke the aforesaid the whole of reservation as provided under subsection 64(2) of the National Land Code [Act 56/1965] was published in the Government of Pahang *Gazette* Notification No. 1639 on the 10 September 2015;

And whereas, on the date and time fixed for inquiry, the Temerloh Land Administrator did not receive any objection to the proposal;

Now therefore, it is declared that in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority revokes that the part of the aforesaid reservation.

Bertarikh 22 Disember 2016

Dated 22 December 2016
[LOT 58/63(P)]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA
BIN SYED ABDUL RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang/
Clerk of Council
State of Pahang

No. 176.

(Seksyen 133)

PEMBATALAN PERAMPASAN TANAH

(Section 133)

ANNULMENT OF FORFEITED LAND

Bahawasanya menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 398 yang disiarkan pada 18 Mac 2010.

Dan bahawasanya pada 12 September 2013, Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh telah memohon kepada pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perampasan tanah. Dan bahawasanya pada 15 Jun 2016, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan permohonan tersebut dengan memberi hakmilik semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Majlis Daerah Temerloh.

Whereas, pursuant to the provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeited to the State Authority as notification in the Government of Pahang *Gazette* No. 398 dated 18 March 2010.

And whereas on 12 September 2013, District and Land Office Temerloh has applied to the State Authority to annul the forfeiture of the land. And whereas on 15 June 2016, the State Authority has approved to annul the forfeiture of the land and re-alienated the land scheduled below to Majlis Daerah Temerloh.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA/
SCHEDULE OF RE ALIENATED LAND

Bil.	Bandar	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan
No.	Town	P.T. No.	Description and No. of Title	Area
			H.S.(D)	Meter Persegi/ Square Metres
1.	Mukim Perak	9346	16047	111

Bertarikh 8 Disember 2016

Dated 8 December 2016

[TEMERLOH.2/8/1140 (398E)-P]

DATO' MOHD FADZLI BIN MOHD KENALI
*Pentadbir Tanah/
Land Administrator
Temerloh*

No. 177.

(Seksyen 133)

PEMBATALAN PERAMPASAN TANAH

(Section 133)

ANNULMENT OF FORFEITED LAND

Bahawasanya menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 1874 yang disiarkan pada 11 November 2010.

Dan bahawasanya pada 24 Julai 2015, Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh telah memohon kepada pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perampasan tanah. Dan bahawasanya pada 13 April 2016, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan permohonan tersebut dengan memberi hakmilik semula tanah yang dijadualkan di bawah ini kepada Majlis Daerah Temerloh.

Whereas, pursuant to the provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeited to the State Authority as notification in the Government of Pahang *Gazette* No. 1874 dated 11 November 2010.

And whereas on 24 Julai 2015, District and Land Office Temerloh has applied to the State Authority to annul the forfeiture of the land. And whereas on 13 April 2016, the State Authority has approved to annul the forfeiture of the land and re-alienated the land scheduled below to Majlis Daerah Temerloh.

JADUAL TANAH YANG DIKURNIAKAN SEMULA/
SCHEDULE OF RE ALIENATED LAND

Bil.	Bandar	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan
No.	Town	P.T. No.	Description and No. of Title	Area
			H.S.(D)	Meter Persegi/ Square Metres
1.	Mukim Mentakab	1015	2321	126.6884

Bertarikh 13 Disember 2016

Dated 13 December 2016

[TEMERLOH.2/8/1140 (802)]

DATO' MOHD FADZLI BIN MOHD KENALI
*Pentadbir Tanah/
Land Administrator
Temerloh*

No. 178.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

RHB BANK BERHAD

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

NURSHILLA BINTI MAJID

PENGGADAI

Kepada Nurshilla binti Majid (KP. 860522-11-5172) beralamat di 21 Lorong TJM 21, Taman Jengka Mahkota, 27000 Jerantut dan/atau 8 Jalan Pine 7, Taman Pine, 27000 Jerantut, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 8 Mac 2017 (Rabu) jam 10.45 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan subseksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenor Daerah Maran. No. Lot—31371. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 20508. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 974/2011. Tarikh—8-9-2011.

Bertarikh 27 Disember 2016
[PTM. 4-3-0019 (16)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 179.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

BANK SIMPANAN NASIONAL

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

ROHANA BINTI MOHD NOR

PENGGADAI

Kepada Rohana binti Mohd Nor (KP. 700109-03-5862) beralamat di 162 Blok C, Felda Melur Jengka 12, 26400 Bandar Jengka.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 23 Februari 2017 (Khamis) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan subseksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenor Daerah Maran. No. P.T.—29039. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 22067. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 204/2015. Tarikh—13-3-2015.

Bertarikh 28 Disember 2016
[PTM. 4-3-0016 (16)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 180.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

MOHD SHAHIDALLAH BIN ABDUL HAMID

PENGGADAI

Kepada Mohd Shahidallah bin Abdul Hamid (KP. 660220-06-5329) beralamat di 11 Lorong Permai 1, 28200 Bandar Bera, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 8 Mac 2017 (Rabu) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan subseksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Luit Daerah Maran. No. P.T.—2. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1445/2011. Tarikh—28-12-2011.

Bertarikh 27 Disember 2016
[PTM. 4-3-0018 (16)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 181.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

AHMAD HUSAINI BIN ABD HALIM

PENGGADAI

Kepada Ahmad Husaini bin Abd Halim (KP. 780321-06-5631) beralamat di 220 Taman Desa Jaya, 26400 Bandar Jengka.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 2 Mac 2017 (Khamis) jam 10.30 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan subseksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kertau Daerah Maran. No. Lot—1929. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 206. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 72/2004. Tarikh—30-1-2004.

Bertarikh 28 Disember 2016
[PTM. 4-3-0017 (16)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 182.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

HSBC BANK MALAYSIA BERHAD

Pemegang
Gadaian

DAN

KAVITHA A/P SUPPIAH

Pengadai

Kepada Kavitha a/p Suppiah beralamat di 104 Taman Anggerik Fasa 2, 28700 Bentong, Pahang dan/atau 55-A Jalan Loke Yew, 28700 Bentong, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 21 Februari 2017 jam 11.30 pagi di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. Lot—167 Seksyen 23. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 545. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 836/2008.

Bertarikh 4 Januari 2017
[PT.Btg. 5/B/683(5)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

No. 183.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) Geran hilang.

JADUAL

